

Puisi-puisi Arifin Arif: Satu Analisis Takmilah

ASMIATY AMAT¹
LOKMAN ABDUL SAMAD²

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, ²Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu.

¹adajiwa@gmail.com ²lokns@yahoo.com

Abstrak Mohd. Arifin Arif (Arifin Arif) adalah seorang penulis Sabah yang dikaitkan dengan penulisan puisi Islam. Kebanyakan puisi beliau mengisahkan tentang sirah nabi, sahabat dan yang berkaitan dengan keinsafan. Teori takmilah yang diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar yang mengangkat sifat Kamal Allah dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan akan digunakan untuk meneliti puisi Arifin Arif. Pengaplikasian teori tersebut dapat menjelaskan sama ada puisi Arifin Arif boleh dikategorikan sebagai puisi Islam atau sebaliknya. Melalui kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa prinsip-prinsip takmilah seperti ketuhanan, kerasulan, keislaman dan keilmuan memang menjadi dasar kepada penciptaan puisi-puisi yang dikaji.

Kata Kunci: Arifin Arif, takmilah, tauhid, kerasulan, ilmu, puisi Islam.

Abstract Mohd. Arifin Arif (Arifin Arif) is a Sabahan writer, which is well known for his writing on Islamic poetry. Most of his poems tells the Sira of the Prophet, his companions and related to consciousness. Takmilah theory introduced by Shafie Abu Bakar who lift Kamal nature of God with the principles set out was used to examine Arifin Arif's poetry. Applying the theory to clarify whether Arifin Arif's poetry can be categorized as Islamic poetry or otherwise. Through experiments conducted show that the principles takmilah as divine, apostolic, Islamic and knowledge was the foundation for the creation of the poems studied.

Keywords: Arifin Arif, takmilah, Tauhid, knowledge, Islamic poetry.

PENGENALAN

Kebangkitan sastra Islam di Malaysia dikatakan bermula apabila polemik sastra Islam mula diperkatakan oleh Shahnnon Ahmad dan Kassim Ahmad pada awal tahun 1970-an. Hal ini juga adalah kesan daripada siri ceramah Syed Naquib al-Attas berkenaan Islam sebagai tunjang kebudayaan dan kesusasteraan di Nusantara pada tahun 1972 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Justeru, para sarjana dan pengkritik sastra mula menjurus kepada penelitian dan pemerhatian terhadap kesusasteraan yang membawa persoalan dan tema keislaman. Seiring dengan itu, fenomena membentuk teori mandiri di Malaysia mula hangat diperkatakan sejak awal tahun 1990-an. Selain teori Puitika Melayu (Muhammad Haji Salleh), Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang) dan Persuratan Baru (Mohd. Affandi Hassan), muncul sebuah teori berbentuk keislaman yang dikenali sebagai teori takmilah. Teori ini dihasilkan untuk memudahkan sarjana memperkatakan hasil karya yang membawa persoalan keislaman. Kajian ini akan meneliti puisi Ariffin Arif dengan menggunakan teori takmilah dan ingin membuktikan sama ada puisi-puisi penyair Ariffin Arif boleh dikategorikan sebagai karya sastra Islam melalui pengaplikasian tersebut ataupun sebaliknya.

LATAR BELAKANG TEORI TAKMILAH

Teori Sastra Islam ini diperkenalkan oleh mantan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, UKM, iaitu Shafie Abu Bakar. Beliau menulis kertas kerja yang dibentangkan dalam pelbagai seminar seperti 'Sastra Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid' dalam Seminar Sastra Islam di Port Dickson dalam tahun 1992. Seterusnya, istilah takmilah sebagai sebuah teori telah dibentangkan dalam satu Nadwah Sastra Islam Antarabangsa yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1 hingga 3 Disember 1993. Setelah dibentang dan diterbitkan, teori ini mula digunakan sendiri oleh Shafie Abu Bakar dalam menganalisis kumpulan puisi karya A. Aziz Deraman berjudul *Kau dan Aku* dalam tahun 1994 di Dewan Bahasa, Kuala Lumpur. Melalui kajian Shafie Abu Bakar terhadap puisi-puisi tersebut, beliau menampilkan persoalan utama, iaitu persoalan perjuangan yang dianggap sebagai dominan dalam karya. Ia diikuti dengan persoalan budaya, persoalan kehidupan, ketuhanan, politik dan persoalan pengalaman luar negara.

Teori ini juga telah teruji dan diguna pakai oleh golongan sarjana untuk mengkaji karya Islam Malaysia sejak ia mula diperkenalkan. Kajian Samsina Abd. Rahman (2002) menggunakan teori takmilah dalam puisi-puisi Melayu menunjukkan bahawa terdapat puisi-puisi yang ditulis oleh penyair Melayu dapat diaplikasikan dengan menggunakan teori takmilah berdasarkan contoh-contoh yang telah diberikan oleh beliau. Kajian terkini dilakukan oleh Kamariah Kamaruddin (2011) dengan mengkaji novel-novel Islam yang telah memenangi peraduan mengarang novel berunsur Islam. Melalui penelitian tersebut, pengkaji mendapati bahawa tidak semua novel berunsur Islam berjaya menerangkan dan menyerlahkan tentang Islam secara tuntas. Nilai ketauhidan dan segala prinsip yang terkandung dalam teori takmilah tidak berjaya digarap oleh kebanyakan penulis novel. Kebanyakan novel lebih bersifat penulisan tentang Islam secara permukaan dan semata-mata memenuhi tuntutan peraduan itu sendiri. Selain itu, sarjana lain yang turut menggunakan teori takmilah dalam perbahasan mereka ialah Sahlan Mohd. Saman (1999), Mohd. Mokhtar Hassan (2001), Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2003) dan ramai lagi.

Menurut Shafie Abu Bakar, 'takmilah' ialah istilah yang berkaitan dengan sifat Kamal Allah yang bererti sempurna. Melalui akar kata sempurna inilah lahir perkataan 'takmilah,' iaitu menyempurnakan. Justeru, melalui perkataan ini menunjukkan bahawa sesuatu karya apabila dikaji dengan menggunakan teori takmilah ia menjadi sempurna lagi menyempurnakan. Pada peringkat awal pembinaan teori ini, Shafie Abu Bakar (1994:39) telah mengemukakan lima prinsip asas, iaitu:

1. Berada di dalam ruang lingkup falsafah tauhid.
2. Teks tidak terpisah daripada nilai yang berasaskan keislaman.
3. Antara pengarang (penulis) dengan teks, ia memiliki pertalian dalam kaitannya dengan nilai keislaman.
4. Tidak dikaitkan dengan ideologi tertentu yang bertentangan dengan Islam misalnya ideologi Marxis atau Freud.
5. Terdapat unsur-unsur yang menganjur (secara tersirat) ke arah kebaikan seperti pendidikan, dakwah, takwa, keluhuran, kemurnian hidup, kecintaan kepada Ilahi dan pembelaan terhadap yang tertindas.

Seterusnya, Shafie Abu Bakar pada tahun 1996 (dalam Mana Sikana, 1997:131) telah memperhalusi dan memperjelaskan teori takmilah dengan lebih terperinci, iaitu dengan mengutarakan tujuh prinsip iaitu:

1. Prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal.
2. Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil.
3. Prinsip keislaman yang bersifat Akmal.
4. Prinsip ilmu dengan sastra yang bersifat Takamul.
5. Prinsip sastra sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah.
6. Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri.
7. Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.

Meskipun istilah-istilah yang digunakan bagi tujuh prinsip tersebut mempunyai perbezaan (kamal, kamil, akmal, takamul, takmilah, istikmal), semuanya adalah berasal daripada akar kata sifat *Kamal* (sempurna) yang daripadanya dibina istilah 'takmilah' seperti yang telah dinyatakan sebelumnya. Secara keseluruhannya, prinsip-prinsip yang telah dimurnikan itu telah memiliki satu kesatuan holistik yang merangkumi sifat ketuhanan, kerasulan, keagamaan, keilmuan karya, pengkarya dan khalayak.

PENYAIR DAN KEPENGARANGAN

Mohd. Arifin Arif atau Arifin Arif adalah nama yang tidak perlu diperkenalkan lagi di arena kesusasteraan Sabah. Nama ini juga telah meniti di bibir peneliti karya sastra Islam di Malaysia. Sebagai pendakwah yang pernah dianugerahkan tokoh penyair Islam, sempena Mahrajan Sastra Islam di Sabah dalam tahun 2001, beliau begitu akrab dengan puisi keislaman. Menelusuri latar belakang pendidikan dan pekerjaannya, Arifin Arif mendapat ijazah sarjana muda dari Universiti al-Azhar, Mesir dalam bidang Bahasa Arab. Beliau meneruskan cita-cita untuk berbakti pada agama dan masyarakat, dan bekerja sebagai pendakwah di MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah) dan akhirnya dilantik menjadi Timbalan Pengarah JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah). Kini, beliau adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Membakut, Sabah.

Ketokohan Arifin Ariff sebagai seorang pendakwah dan penyair tidak perlu dipertikaikan, justeru keperibadian beliau jelas terpancar melalui tutur dan tingkahnya. Bagi tujuan perbincangan ini, teori takmilah akan diaplikasikan dalam meneliti puisi-puisi Arifin Arif yang diterbitkan dalam antologi *Api Laut Merah* (1999), *Tasbih Hayat* (2001), *Laut Asyik* (2000) dan *Tergantung Pada Kata* (1996).

Prinsip Tauhid dan Hubungannya dengan Sifat Kamal Allah

Fokus utama teori takmilah ialah prinsip atau falsafah tauhid yang menjadi asas kehidupan beragama dan ciri pembeza antara Islam dan bukan Islam. Menurut tokoh-tokoh agama seperti Isma'il al-Faruqi, Lois Lamya' al-Faruqi (1992:79) dan Yusuf al-Qardawi (1985:14), keperluan manusia kepada tauhid adalah lebih penting daripada keperluan duniawi. Hal ini disebabkan ia menyentuh persoalan-persoalan pokok yang berkaitan dengan kewujudan insan. Perkara ini menegaskan lagi bahawa tanpa prinsip tauhid, hidup manusia umpama kertas yang diterbangkan angin; tidak ketahuan arah dan tidak tetap tujuannya.

Berdasarkan prinsip tauhid ini juga para karyawan Islam yang bertujuan menyebarkan dakwah melalui karya-karya mereka harus menyempurnakan akidah tauhid untuk menambah baik dan membentuk keimanan khalayak. Secara ringkasnya, teori yang digagaskan itu harus dipraktikkan. Secara tidak langsung, mereka akan mengerti dan memahami keesaan Allah. Sifat-sifat Allah yang *jamal* (estetika) adalah satu pancaran daripada sifat kamal-Nya, di samping sifat-sifat yang lain. Sehubungan itu, dalam konteks sastera yang menjadikan manusia dan alam sebagai fokus berkarya dan menjadikan seni sebagai unsur keindahan, penulis seharusnya mempertingkatkan diri ke arah kesempurnaan. Shafie Abu Bakar (1997:132) menegaskan bahawa melalui rangka teori yang berkaitan dengan Allah SWT, sastera dilihat bukan sebagai satu aspek yang terasing daripada Islam tetapi ia mencerminkan kesyumulan Islam dan *integrated*.

Melalui puisi-puisi Arifin Arif yang dianalisis, prinsip ketauhidan yang berhubungan dengan sifat kamal Allah diperhatikan melalui hampir keseluruhan daripada puisinya. Ia menjadikan puisi beliau kaya dengan nilai ketauhidan yang tinggi dan segala penyerahannya ditunjukkan

melalui kalimah puji-pujian kepada Allah SWT. Contohnya, melalui puisi ‘Al-Jabbar’, ‘Al-Malik’ dan ‘Al-Quddus’ (*Tasbih Hayat*), ‘Allah’, ‘Al-Rahman’, ‘Al-Rahim’, ‘Al-Malik (*Laut Asyik*). Tajuk puisi-puisi tersebut jelas menunjukkan nama-nama Allah yang Maha Menguasa/Memiliki, Maha Suci, Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Pengertian-pengertian tersebut jelas menunjukkan hakikat Allah yang Ahad (Esa), sempurna (Kamal) sifatnya dan kekal wujudnya. Keesaan, kesempurnaan dan kesucian Allah inilah yang dijadikan oleh hamba yang bertakwa dan serba lemah sebagai tempat berlindung dan bergantung. Hanya kekuasaan Allah dapat mengatasi segala-galanya. Contoh penyerahan terhadap kekuasaan dan sifat kamal Allah dapat dihayati melalui petikan beberapa contoh puisi dari antologi *Laut Asyik* berikut:

‘Al-Rahman’

Kekasih alam lebur merindu
Al-Rahman memercikkan restu
Sekalian denyutan pada menafaskan hayat
Nadi kasih menghafal degup kudrat
Tak kuyakin kau mencari langit lain
Padahal batin selamanya berkepak
Di puncak fitrah
Dari jernih kambu ke kausar kehidupan
Berarus deras maghfirah-Mu al-Rahman.
(2000: 7)

‘Al-Jabbar’

Iradat menakluk arah sebutir pasir hayat
Tawaduk sepanjang marhalah, tiada kuasa
Selain Ahad, dari percikan Hira, nur tumpat di gua
Inayat, jika kelam atau benderang, hanya
Kudrat-Nya menetap cahaya di ufuk batin.
(2000: 13)

‘Al-Quddus’

Suci dalam makrifat
Kisah hakikat merentangi Baitullah
Tika laata memahat kalbu jahili
Sekontang padang jazirah merimbun
Disirami akidah. Dari langit wahyu mengepakkan
Salam Quddus, maha suci engkau
Dalam tasbih hayat, ternafi batin
Dari segala khurafat.
(2000: 15)

Allah SWT berfirman yang bermaksud, ‘Dan Allah mempunyai nama-nama yang indah, maka berdoalah kepadanya dengan nama-nama-Nya tersebut. Dan jauhilah orang-orang yang menyimpang dalam (memahami) nama-nama-Nya. Mereka akan dibalas terhadap apa yang mereka lakukan’ (Al-A’raf, ayat 180). Ada beberapa perkara yang perlu kita fahami tentang nama-nama Allah SWT sebagaimana yang terdapat pada ayat di atas. Pertama: Meyakini bahawa Allah SWT mempunyai nama-nama yang sangat mulia lagi indah. Barang siapa yang tidak meyakini nama-nama Allah, maka orang tersebut tidak beriman kepada Allah SWT secara utuh dan benar. Bila kita perhatikan, begitu banyak ayat al-Quran yang mengandungi nama-nama Allah SWT dan makna nama-nama Allah sangat erat hubungannya dengan konteks ayat itu sendiri. Kedua: Nama-nama Allah SWT tersebut mengandungi makna yang sangat sempurna yang disebut sifat. Orang yang tidak meyakini tentang sifat yang terkandung dalam nama-nama Allah bererti ia telah melakukan penyelewengan dalam beriman kepada Allah. Ketiga: Berdoa dan beribadah kepada Allah SWT dengan nama-nama mulia itu. Untuk mencapai kesempurnaan dalam beribadah kepada Allah SWT dengan memahami makna nama-nama Allah tersebut. Sehingga menghadirkan rasa khusyu’ dalam beribadah, kerana saat beribadah seolah-olah kita melihat Allah SWT atau kita merasa sedang dilihat oleh-Nya (Ustaz Dr Ali Musri Semjan Putra).

Penyair bukan sahaja mempamerkan nama Allah yang sempurna dan indah dengan sifat yang menyempurnakan sebagai sumber puisi beliau. Bahkan, penyair turut menggunakan nama Allah SWT sebagai satu pegangan dan penyerahan beliau sebagai hamba Allah yang berserah dan melengkapkan ibadah sehari-hari.

‘Catatan Malam Jumaat (4)’

Allah
dengan rahmanMu
Kupohonkan di awal di akhir
Kaupanggil pulang

...

Allah
dengan rahimMu
Kupohon lindungan
tak terhisab azab
HambaMu sering terlewat
tak terucap nikmat
HambaMu pasrah berharap
Amin!

(*Api Laut Merah*, 2002: 10)

Melalui puisi-puisi tersebut, penyair menyatakan sifat-sifat kamal dan jamal Allah dengan hubungannya dengan manusia. Penyair menyerahkan sepenuh jiwa raga kepada Yang Maha Kuasa untuk menentukan nasib hidupnya. Maha Pengasih dan Penyayang Tuhan yang berkuasa itulah dirafakkan doa memohon keampunan dan tempat berlindung dari segala kemungkaran, kejahatan dan kelemahan.

Kepentingan tauhid sebagai paksi kehidupan beragama turut dijelaskan melalui setiap tindak-tanduk manusia, bermula daripada manusia dilahirkan ke dunia yang fana. Melalui azan dan iqamat yang didengarkan ke telinga bayi memperlihatkan bahawa prinsip ketauhidan ini adalah suatu perkara yang pertama sekali diperdengarkan kepada setiap manusia yang dilahirkan sebagai seorang Muslim. Hal ini ditunjukkan oleh Arifin Arif melalui puisinya ‘Madrasah Pertama.’ Bagi penyair, azan dan iqamat adalah satu-satunya bunyi terawal yang menunjukkan beliau mula mendapat pancaran nur dari Ilahi yang jalal.

Madrasah pertamaku
sejak terbisik zikrah
mengelus gegandang rindu

Mengental fikra dalam bentuk
azan iqamah kasih terawal
menggetar kalbu pancaran al-Jalal.

...

dari madrasah
kuhafal hafiah syahadat
betapa merdu sifat dan zat
teralun dengan nahwan kitab hayat
hakikat dalam hakikat.
(*Api Laut Merah*, 2002: 40)

Sejajar dengan puisi tersebut juga penyair menunjukkan bahawa sejak kecil, beliau telah diajarkan menghafal syahadat yang berupa kesaksian beliau terhadap Tuhan yang telah menciptakannya dan memberikannya kehidupan. Demikian juga dalam puisi '*Kemudi Bersaksi*' yang mengutarakan perjalanan hidup penyair tidak lain dan tidak bukan '*... menuju pulau mahabbah ar-rahman*' (*Api Laut Merah*, 2002: 42).

Prinsip paksi tauhid bukan sahaja menuntut pengakuan dan penghayatan (teori) daripada manusia Muslim, malah perlu dibuktikan melalui setiap tindak-tanduk (praktikal-amalan). Hal ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang syumul dan menyedarkan bukan sahaja penyair, malah khalayak berkenaan sifat-sifat Allah Yang Maha Sempurna yang akhirnya mendorong perbuatan menyempurnakan diri dalam kalangan penganut agama-Nya.

Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil

Sebagaimana yang telah dinyatakan, teori ini turut menunjukkan bahawa ia mempunyai pertalian dengan Rasulullah – sebagai insan yang kamil-akar daripada perkataan kamal (sifat sempurna). Falsafah pemikiran Islam sendiri menerima tiga konsep ideal keinsanan, iaitu 'insan kamil, insan khalifah dan insan rabbani' (Shafie Abu Bakar, 1997:133).

Insan khalifah merujuk kepada kemampuan insan sebagai pemimpin di bumi Allah yang memiliki keilmuan dan berperibadi mulia dan tinggi. Insan yang bergelar khalifah juga perlu memiliki kerohanian yang tinggi

sehinggalah digelar *rabbani*. Insan tidak akan mencapai kesempurnaan jika kerohaniannya tidak ada atau kurang. Justeru, untuk mencapai tahap insan kamil, ketiga-tiga sifat ini harus dimiliki. Contoh paling ideal ialah Rasulullah SAW.

Sebagai khalifah, beliau berjaya menjadi pemimpin, pentadbir dan panglima perang yang tidak ada tolok bandingannya. Dari segi kerohanian, Baginda Rasulullah SAW tidak perlu dipertikaikan lagi sehingga dalam riwayat hidupnya Baginda digelar al-Amin (jujur dan benar), al-Mustafa (yang terpilih) dan habibullah (kekasih Allah).

Puisi-puisi Arifin Arif jelas menunjukkan prinsip kerasulan yang bersifat kamil dan seterusnya mengajak khalayak untuk mencontohi sifat-sifat sedemikian. Melalui puisi '*Bukit*', penyair menjelaskan tentang ketabahan rasul pilihan menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran daripada musuh-musuhnya:

'Bukit'

Engkau pernah lebur
di puncak cinta, rindu musa
setelah berzaman
sebahtera iman
berlabuh kasih nuh
engkaulah paksi yakin itu
tika istana kalbu
dan tunjang diri runtuh
kau rebah melebur batu alpa.

Terlalu tinggi puncak
Iktibar
tumbuh di jasad bukit
sebagai malam
di Thaif
malaikat pernah menggamit
ketabahan muhammad.

Puisi tersebut menunjukkan bahawa manusia yang cecal imannya harus mencontohi ketabahan iman dan ketabahan semangat juang Rasulullah dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini. Kecintaan dan kerinduan penyair terhadap Rasulullah turut dinyatakan dalam '*Puisi di Makam Rasul*' (*Api Laut Merah*, 2002: 88) seperti yang berikut:

Batu-batu lebur, bersama-sama fana kalbu
basah sejadah kasih pada sua pertama
beban rindu, berabad terbawa dalam ishiq-mu
kasih, kami selawatkan seluruh kebenaran
dari Hira' kilaunya pecah
sampai ke hujung nyawa.

Walaupun puisi tersebut terbina hanya satu rangkap, tetapi ia padat dengan makna yang tersurat dan tersirat. Melaluinya penyair menyatakan kecintaan dan kerinduan terhadap Nabi Muhammad SAW akhirnya terlerai dengan kunjungan penyair ke pusara nabi. Ia turut dikaitkan dengan kisah nabi mendapat wahyu pertama di Gua Hira dan kebenaran itu menjadi bukti kecintaan umat Muhammad SAW kepada nabi junjungan.

Prinsip Keislaman yang Bersifat Akmal dan Teks Tidak Terpisah daripada Nilai-nilai Keislaman (Menolak Ideologi yang Bertentangan dengan Islam)

Shafie Abu Bakar (1996:29) menegaskan bahawa agama Islam yang sempurna melengkapi pelbagai aspek kehidupan termasuklah sastera yang memiliki nilai estetika yang sejajar dengan sifat jamal Allah. Islam sebagai agama syumul juga harus memancarkan sastera yang mencerminkan keperibadian umat yang syumul. Justeru, susastera yang ditulis oleh penyair haruslah juga berperanan untuk menjelaskan dan menyempurnakan (mentakmilahkan) kesyumulan agama itu.

Sejajar dengan itu, penyair sering mengutarakan syariat yang wajib dikerjakan oleh umat Islam seperti solat lima waktu, solat sunat dan membaca al-Quran. Melalui puisi-puisi ini, penyair selalu menjadikan

ibadah ini sebagai satu penyerahan diri kepada Allah dan satu suasana di mana beliau sebagai hamba memohon keredaan dan keampunan daripada segala perlakuannya. Contohnya melalui puisi seperti ‘Malam-malam Terakhir hingga Fajar,’ ‘Doa Subuh,’ ‘Doa Pohon,’ ‘Qiam,’ ‘Munajat dalam Tarhim dan Azan Subuhnya,’ ‘Sakinah,’ ‘Di Masjid dan ‘Imanku Rumah Lelabah.’

‘Doa Pohon’

Sebagaimana daun-daun
Hijaukanlah jua
Warna zikir dan tasbihku
Pada setiap urat
Menalikan kasih-Mu.

Sebagaimana kelopak
Wangkanlah jua
Warna syukur dan tahmidku
Pada setiap gerak
Ke arah-Mu.

Tuhan
Rendangkan hayatku
Di bawah langit
Redha-mu.
(*Api Laut Merah*, 2002:45).

Selain solat lima waktu dan sunat, syariat yang wajib dikerjakan oleh umat Islam ialah berpuasa di bulan Ramadan. Arifn Arif menggambarkan betapa bulan Ramadan sering kali dirindui kehadirannya. Kerinduan penyair dipancarkan menerusi puisinya ‘Subuh Ramadhan’, ‘Bagai Berkurun Rinduku’ dan ‘Ramadhan ke Lebarannya’ (*Api Laut Merah*, 2002:11-12).

‘Bagai Berkurun Rinduku’

Wah! Jauh telah semerbak kasturimu
Apa lagi lekas kubuka pintu

Biar nanti salam kasih kaubawa
benar-benar tumpat ke rumah kalbuku

Selamat datang
Mari kukucup tanganmu. Kaupun berkisah
tentang kepak malaikat, nuzul yang rahmat
atau malam bening nan berkat. sungguh,
bagai berkurun rinduku menunggu-nunggumu
Ramadhanku.
(*Api Laut Merah*, 2002:12)

‘Ramadan ke Lebarannya’

Telah kusapa
Salam putih Ramadan
Beduk imsak mengimbau pulang
Bersama sahur pucuk
Sungkai selasih
Berterawih menuruni
Bertadarus menamati
Dalam tulus tasbih
Menanti wangi kasih
Dalam mukjizat
Seribu purnama berkat.
(*Api Laut Merah*, 2002:11)

Puisi tersebut bukan sahaja memaparkan kesucian Ramadan itu sendiri malah, menunjukkan juga aktiviti ibadah lain di bulan Ramadan seperti solat terawih, bersahur, berbuka, bertadarus dan kesyukuran umat menanti malam Lailatul Qadar. Ibadah dalam bulan Ramadan bukan sahaja dituntut bagi umat Islam malah, keberkatan daripada Allah SWT turut diharapkan. Selain puisi tersebut, puisi lain yang turut menyingkap kesucian Ramadan melalui unsur metafora yang indah ialah puisi berjudul ‘Malam Utama’ (*Api Laut Merah*, 2002:48)

Malam ini
malam utama
para malaikat

runduk
mengepakkan sayap
cinta
salam seribu purnama
Azzawajalla.

Mengenang syahdu alam
waktu kalam
merapati langit dunia
rindu merimbun
ke Raudah Junjungan
qudwah utusan
memancarkan iman
mujahadah
dan kemanusiaan
ke gua-gua kelam
kehidupan.

Khadijah
ibu kami tercinta
siapakah bisa alpa
detik-detik Iqra'
dan imbau Mustafa
seumpama ambar
kasihmu mengharum
zaman berzaman.

Malam ini
malam utama
para abid
menanti setia
tujuh langit damai
sejahtera
sampai fajar.

(*Api Laut Merah*, 2002: 48).

Kesyumulan Islam melalui aktiviti penganutnya juga dapat digambarkan melalui bacaan al-Quran yang merupakan panduan dan pedoman hidup umat Islam di muka bumi ini. Penyair turut menyeru agar khalayak dan dirinya sendiri bukan setakat membaca al-Quran, malah segala suruhan, iktibar dan pedoman yang diberikan haruslah difahami dan dijadikan amalan dalam kehidupan. Puisi ‘Wal Asri’ bukan sahaja menggunakan nama surah sebagai tajuk puisi malah, pengolahan yang begitu estetik menjadikan puisi ini suatu puisi Islam yang sangat unik. Ia bukan sahaja sebuah puisi biasa malah, melalui penggunaan kalimah berunsur metafora, penyair menyeru manusia agar tidak leka dan lalai kerana waktu yang diibaratkan sebagai jarum hayat akan sentiasa berputar dan manusia harus mengisinya dengan perkara-perkara yang berfaedah selagi hayat di kandung badan. Aktiviti harian yang dijalankan oleh Muslim sejati juga haruslah berlandaskan rasa syukur, sabar dan penuh dengan keimanan. Puisi ‘Wal Asri’ (*Api Laut Merah*, 2002:47) menjelaskan:

Tafsiri nilai waktu dengan gerak hayat
detik tak terhitung pada angka maddi
bulan dan matahari mengitari hari-hari
pengabdian. Bintang dan pohonan sujud
kesyukuran. Inilah jam unggul lewat takwim
hayat. Takjuban fajar dengan martabat unggul
asal, cemerlangkan **mawar sabar di kebun jiwa**
amal. Kalau kau bertanya tentang waktu,
taklumlah malam dan siang dengan pancar
piala hakikat **anggur keimanan...**

Penekanan terhadap amal ibadat juga harus diiringi dengan amal jariah. Sedekah dan pemberian kepada orang yang memerlukan adalah satu sifat yang digalakkan dalam Islam sehingga apabila mati kelak, perkara ini jugalah yang akan dihisab oleh para malaikat. Kepentingan amalan ini ditegaskan oleh penyair melalui puisi ‘Pohon Tersubur’ (*Api Laut Merah*, 2002:52)

Jariah amal
adalah pohon
tersubur
sekali kaucambah

Di tanah niat
berputik
sepanjang-panjang padang hayat.

Pohon ter subur
adalah amal
penghias
rumah peribadi
rendang
dengan mahabbah
berbuah syariat
lazat hakikat.

Melalui puisi tersebut juga ditunjukkan bahawa amal jariah yang dilakukan oleh manusia itu haruslah jua dikerjakan dengan niat yang suci murni dan dilaksanakan dengan penuh keikhlasan agar ia dapat diterima oleh Allah dan bukannya sekadar untuk menunjuk-nunjuk. Menurut Samsina Abd. Rahman, dalam puisi ini terlihat hubungan penggunaan gaya bahasa perlambangan dan metafora dengan mesej puisi. Contohnya ‘padang hayat’ yang melambangkan sepanjang hidup manusia (2005:546).

Manusia Muslim yang mampu dari segi fizikal dan material juga diharuskan untuk menunaikan haji di Makkah. Selain beribadat, amalan mengerjakan haji juga adalah untuk mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT seperti kesihatan, kesejahteraan hidup dan kemewahan. Di samping itu, amalan ini juga secara tidak langsung dapat mengimbu sejarah dan pengalaman para anbia untuk dijadikan iktibar. Justeru melalui puisi ‘Catatan di Tanah Suci,’ penyair memaparkan segala aktiviti beliau sewaktu berada di Kaabah, di Padang Arafah, di Mina, ketika sa’i dan tawaf widak.

Seterusnya, melalui segala yang diutarakan oleh penyair ini, prinsip keislaman yang bersifat akmal ini ditunjukkan dengan seruan-seruan berupa dakwah, iaitu mengajak manusia ke arah kebaikan makruf dan meninggalkan kemungkaran. Selain menyeru kepada amalan-amalan yang digariskan oleh Islam, akhirnya seruan itu membawa kepada penghijrahan diri manusia ke arah kebaikan. Demikianlah Arifin Arif menyeru manusia

agar berhijrah untuk membentuk peribadi yang mulia. Melalui puisi ‘Hijrah’ penyair mengungkapkan:

Bertolak dari rumah maksiat
Kelab malam
Kita hijrah ke pintu rahmat
Rumah Tuhan

Bertolak dari angka laknat
Meja Perjudian
Kita Hijrah ke kalam mukjizat
Maknawi Al-Quran

Bertolak dari fitnah umpat
Nista pendustaan
Kita hijrah ke zikir berkat
Tasbih al-Rahman

Bertolak dari amal khurafat
Abdi kebendaan
Kita hijrah ke Muslim hakikat
Iman dan ihsan

Demikian jualah sifat penyair yang tidak bersetuju dengan penyaluran ilmu yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Melalui puisi ‘Tabbats’ yang ditujukan buat Salman Rushdie, penyair melontarkan kekhawatiran tindakan Salman Rushdie menghina agama dan Nabi Muhammad SAW.

Prinsip Ilmu dengan Sastera yang Bersifat Takamul dan Adanya Unsur-unsur yang Menganjur (Secara Tersirat) ke arah Kebaikan

Islam agama syumul yang sentiasa menganjurkan kepada keilmuan. Setiap Muslim dianjurkan untuk menuntut ilmu. Konsep takmilah dalam hubungan kesusasteraan dan ilmu mempunyai pertalian dengan akal dan hati budi manusia. Akal sering kali dikaitkan dengan ilmu yang bersifat alamiah dan rasional, manakala hati merujuk kepada kerohanian yang harus ada dalam diri setiap Muslim sejati. Peranan kesusasteraan yang takamul ialah

mempertingkatkan kedua-dua bentuk alamiah dan rohani ini. Contohnya, puisi berupaya menyingkap inti sari ilmu melalui persoalan-persoalan tasawuf yang dianjurkan oleh penyair dalam karyanya. Hal ini kembali semula kepada fungsi kesusasteraan itu sendiri yang bukan sahaja menjadi alat hiburan malah, memiliki nilai mendidik yang bukan sahaja secara terus malah melalui nilai-nilai tersembunyi. Justeru, prinsip ini membuktikan sastera bersifat takamul kepada ilmu dan ilmu pula takamul kepada sastera (Shafie Abu Bakar, 1996: 29).

Menyentuh tentang prinsip ini, ia sedikit banyak telah dibincangkan melalui prinsip-prinsip sebelumnya, yakni yang memperlihatkan akal penyair dalam menganjurkan kepada perbuatan-perbuatan kebaikan dalam membina kehidupan yang sempurna lagi berhikmah. Contohnya melalui puisi Arifin Arif yang berjudul 'Hijrah' jelas menunjukkan hakikat tentang saranan penyair agar manusia berhijrah daripada mengamalkan sifat-sifat yang tidak baik kepada amalan-amalan yang lebih baik. Misalnya berjudi, khurafat, menipu, mengeji dan mengumpat sebagai amalan yang perlu ditinggalkan dan digantikan dengan amalan yang mendatangkan faedah.

Selain itu, anjuran atau prinsip keilmuan yang dihamparkan oleh penyair ini bukan sahaja secara berterus-terang malah, ia juga memiliki nilai agama yang tinggi. Kebanyakan daripada puisi beliau menganjurkan ajaran tasawuf iaitu usaha atau jalan seorang hamba untuk mengenal dan mendekati diri kepada Tuhan. Contoh puisi beliau yang menggambarkan kecintaan, keasyikan, kerinduan dan kefanaan seorang hamba terhadap Tuhan yang jalal jelas tergambar melalui puisi 'Munajat dalam Azan dan Tarhim Subuhnya' (*Api Laut Merah*, 2002:26-27).

'Munajat dalam Azan dan Tarhim Subuhnya'

Selawat bermikraj ke langit
Kasih junjungan menyilau kalbu abid
Ini imbau pengabdian para asyiqin
Mentakwin istirahat sejuta Abidin
Ibtihal maha puji jalali
Insan kerdil merafak ampun izzati
di taman indah subuh anugerah al-Bari

alam pun mengelopakkan tasbih
menjawab salam yang hadir
kalbu musafir nan fakir
katanya, kerana kita sama berkasih
terimalah segala khazanahku
langit apa lagi, ia pun amat arif
degup kasih muqarrabin
bukanlah dengan getar itu
subuh menjadi makmur di kalbu Arifin
setelah semalam salik bermuhasabah
menyesal khilaf dan alpa
yang gugur bersama-sama jalur mentari
pohon dan daunan asyik tafakur
menghayati munajat pemikir sadik
ya akhbar, azan yang bergetar
tiada kudrat tiada keagungan
selain Khaliq pemilik arasy yang azim
setiap putaran ditaqarubkan syahadatain
dari menara gugur perkasa fana
sehingga tiada falah maujud selain-Nya
siapa bernama khalifah
selamat mengendali makna sumpah
mencapai hakikat dalam solat
berbunga ibadat segala makruf
inilah hakikat kemenangan
menawan hayat dengan angkatan salihin
alam bercahaya bersama nur absar
tikram dan tahmid
waktu mengangkat cinga
rasa fana dalam fana
putih qunut ke hujung salam
perkenankanlah falah perjalanan asyiqin
amin ya rabbal alamin.

Peranan ilmu yang bersifat kerohanian juga diungkapkan melalui puisi 'Pemilik Kalbu' (*Api Laut Merah*, 2002:29).

Engkaulah pemilik
Qurbatul uzma
memasuki rumah hidayat
dengan salam batin
tiada nur, selain
Nurulanwar
tiada tatapan
selain ainul absar
Zikir mengalir
di bawah lisan-nya
menyilau ruang gua
dalam pancar inayat
pemilik kalbu hayat.

Selain itu, melalui kesusasteraan, sejarah serta cerita nabi dan para tokoh Islam ditonjolkan untuk memperingati segala jasa dan bakti yang diberikan oleh mereka dalam dunia Islam. Hal ini tentulah kembali semula kepada rujukan terhadap al-Quran yang menyimpan segala khazanah ilmu yang tidak ternilai harganya. Al-Quran adalah sumber sejarah dan pengetahuan tentang masa kini dan akan datang. Melalui al-Quran yang memiliki nilai sastra tertinggi, memancarkan ilmu Allah dan memberikan manusia panduan untuk mentadbir kehidupan. Sejarah cerita nabi dan para sahabat serta panduan-panduan yang perlu diikuti oleh manusia zaman kini dan akan datang didedahkan oleh Allah SWT melalui kalam Allah yang bernilai tinggi. Kebenaran yang terkandung dalam al-Quran menjadi panduan sepanjang zaman.

Melalui puisi-puisi yang ditonjolkan penyair, beliau mengimbau pelbagai peristiwa bersejarah yang terkandung dalam al-Quran seperti yang disebutkan tadi. Contohnya malam Lailatul Qadar, kisah hidup Nabi Yusuf dan Zulaikha, kisah Nabi Musa, Masyitah dan Firaun, sahabat nabi dan sebagainya. Contoh-contoh ini diperlihatkan melalui puisi 'Perempuan yang Menyisir,' 'Al-Hamasah,' 'Doa Tongkat,' 'Subuh di Laban Rata' dan 'Bunyi Sepatu.' Ingatan penyair terhadap tokoh agama Imam Syafie juga diutarakan melalui 'Di Makam Syafie'.

Tegasnya, ilmu yang bersumberkan al-Quran dapat memenuhi prinsip teori takmilah daripada sudut falsafah tauhid yang merujuk kepada ketauhidan Allah, berserta keilmuan yang ditunjukkan untuk dijadikan panduan dan teladan kepada khalayak.

Prinsip Sastera yang Berciri Estetik dan Bersifat Takmilah

Prinsip ini dilihat dari dua aspek keindahan, iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Keindahan lahiriah menyentuh teknik, bentuk struktur dan gaya bahasa yang dapat dilihat secara luaran. Sementara aspek maknawi merujuk kepada mesej yang ingin disampaikan penyair yang melibatkan pemikiran, sudut pandangan dan penggunaan unsur-unsur seperti metafora, personifikasi dan alegori. Secara ringkasnya, karya bukan sahaja indah dari segi bentuk dan tekniknya malah, ia juga harus indah sempurna dari sudut makna dan tujuannya. Konsep inilah yang akhirnya akan kembali kepada sifat Allah yang mampu memulakan dan mengadakan (al-Mubdi) sesuatu yang indah (kamal) dan sempurna (kamal). Hal ini terungkap dalam al-Quran, Surah Yasin iaitu '*Kun Fa Ya kun* (Jadilah Engkau') dan hadis yang bermaksud *Allah itu indah dan Dia sukakan keindahan* (Hadis Riwayat Muslim).

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam prinsip-prinsip sebelumnya, jelas menunjukkan bahawa penyair muda ini menghasilkan puisinya bukan sahaja indah dari segi bentuk dan tekniknya yang membawa perlambangan-perlambangan tertentu, malah dari segi maknawinya penyair begitu menekankan segala nilai Islam yang berkaitan dengan sifat Allah yang kamal, Rasul yang kamil dan perkara-perkara yang menyeru kepada kebaikan dan meninggalkan larangan Allah. Bahkan, teknik dan cara penyampaiannya juga adalah sangat unik. Selain itu, diperhatikan kekreatifan Arifin Arif mengubah bentuk atau struktur puisinya yang dikenali sebagai seni visual. Contohnya puisi berjudul 'Subuh di Laban Rata' (*Api Laut Merah*, 2002:24) yang berbentuk seperti berikut:

Dahi
Mendingin
Waktu sujud
Ya Masjid, syukur
Meluncur khusuk
Beginikah Musa di Tursina
Abid lebur mengenang-Mu, fana
Mendaki tahmid di puncak anugerah
Subhanaka ya Allah – subhnanaka ya Rahman ya Allah

Secara visual, puisi tersebut bukan sahaja mempunyai bentuk yang unik seperti sebuah piramid atau bukit sejajar dengan zaman Nabi Musa yang bersembunyi di Bukit Tursina, yang menjadi lambang kesyukuran pengarang semasa beliau sedang duduk di atas dataran Laban Rata, sebuah tanah rata persinggahan sebelum tiba di puncak Gunung Kinabalu. Perkara ini melambangkan keakuran dan penyerahan seorang hamba kepada Tuhan Yang Maha Kuasa.

Keindahan bentuk puisi juga terpancar melalui penggunaan diksi atau perkataan dari bahasa Arab, iaitu bahasa al-Quran, bahasa penyatu umat seperti *syauq*, *zauq*, *mahabbah* dan asma-ul husna yang cukup indah. Selain itu, ada kalanya penyair memetik surah dalam al-Quran (puisi *Wal-Asri*) untuk mengangkat nilai estetika puisi beliau. Hal ini turut menjadikan mesej yang ingin disampaikan penyair itu lebih tepat dan berkesan. Contohnya puisi yang bertajuk 'Qiam' (*Api Laut Merah*, 2002:34) yang dipetik seperti berikut:

...
Astaghfiruka wa atubu ilaika
pernah sekawan amarah
menyisihkan mahabbah
ke perigi muslihat batini
dini ini dia kembali
menyulam kasih hakiki
sutura syukur Yaakub
kurnia-Nya mempersua
perbendaharaan rahmat

daripada khazanah tabah Yusuf
ini degupnya, meresap daripada istana kalbu
ke penjara uji.

Prinsip pada Pengkarya yang Seharusnya Mengistimalkan Diri

Sebuah karya Islam yang dihasilkan oleh seorang pengkarya yang hanya tahu bersandiwara adalah umpama sehelai kertas yang tidak bermakna. Menurut pendekatan ini, seorang penyair wajar memiliki sifat-sifat mulia dan meninggalkan sifat-sifat mazmumah. Seorang penyair bukan sahaja perlu memiliki dan menguasai bidang ilmu, malah mereka harus mempraktikkan ilmu-ilmu yang mereka miliki itu. Maksud ilmu di sini pula bukan sahaja terbatas dalam erti kata ilmu agama semata-mata tetapi turut mencakupi ilmu kesusasteraan itu sendiri. Ringkasnya, hasil karya sastera itu harus lahir daripada seorang penyair yang memberi komitmen terhadap jiwa keislamannya dan mampu mengutarakan pandangan keislamannya melalui saluran yang sewajarnya (erti kesusasteraan yang difahami). Hal ini sedikit banyak menunjukkan bahawa prinsip teori ini sesuai diterapkan bagi penyair yang memiliki latar belakang kehidupan, sosialisasi dan pendidikan agama yang baik.

Seorang pengkarya wajib mengetahui tugas mereka sebagai pengkarya dan menyampaikan bakat dan kemahiran mereka ke jalan yang benar. Aspek yang dititikberatkan adalah berkenaan kebenaran tujuan dan kebenaran isi kandungan dan cara penulisan. Perkara ini turut dinyatakan oleh A. Hasjmy bahawa ciri-ciri sasterawan Muslim yang digambarkan ialah mereka yang beriman, beramal soleh serta sentiasa mengingati Allah SWT. Keimanan dan ketakwaan sasterawan Muslim dimanifestasikan daripada karya mereka (A. Hasjmy, 1987: 55-56).

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam ruangan kepenyairan, membuktikan bahawa dengan latar belakang yang dimiliki oleh Arifin Arif itu, tidak sukarlah bagi beliau menzahirkan fikiran dan perasaan terhadap kecintaannya kepada Tuhan dan agama melalui puisi-puisinya dalam bentuk sedemikian. Beliau bukan sahaja dididik dengan ilmu agama yang mendalam, malah praktikal sehari-hari melalui ruang lingkup pekerjaannya itu sendiri menunjukkan beliau mengamalkan apa yang

diutarakannya dalam karya tersebut. Selain itu, kefasihan beliau dalam berbahasa Arab juga menjadi satu kredit untuk beliau memperindahkan kalimah-kalimah dengan selitan bahasa Arab yang sesuai dengan maksud yang ingin disampaikannya melalui puisi. Pengetahuan terhadap ilmu agama dan kesusasteraan ini memberikan impak yang besar terhadap penghasilan puisi beliau. Kelembutan dan kesederhanaan yang dipamerkan itu begitu menyentuh kalbu. Oleh itu, 'kekecewaan' terhadap orang yang meninggalkannya diungkapkan dengan begitu halus sekali. Contohnya melalui puisi yang berjudul 'Warkah (untuk Ummi)' (*Api Laut Merah*, 2002:18)

Tentang Zulaikha
dan gadis-gadis
yang menghiris jemari
usahlah dirisaukan
aku akan selalu
mencontohi kesabaran
daripada Yusuf

tentang Laila
dan segala keputusannya
yang menestapkan itu
juga, usahlah difikirkan
aku masih berguru
menggali ketabahan
daripada Ayub

Ummi
takku pernah
mendendaminya
kerana sedari kecil
kau tak mengasuhku
mewarisi tabiat qabil.
(*Api Laut Merah*, 2002:18)

Sebagai penyair juga, Arifin Arif sering mengingatkan dirinya agar tidak tersasar ke landasan yang salah dalam proses menyempurnakan diri dan khalayak. Hal ini dijelaskan melalui puisi 'Doa Penyair' seperti berikut:

Kalau kalam
hanya menghijab
diri
daripada kilauan pulau
karamkan saja
bahtera dakwat
yang kulayarkan

Kalau kalam
hanya menakjub
diri
dengan silau ingkar
tenggelamkan saja
alun kefasihan
yang kulabuhkan.

Melalui puisi tersebut menunjukkan bahawa penyair sedar dan memanjatkan doa agar niatnya menjadi penyair tidak tenggelam ke dasar keangkuhan dan kealpaan. Penyair rela berhenti menulis dan menjadi penyair jika perkara tersebut ada dalam dirinya. Perkara ini juga dapat dikaitkan dengan larangan menyombong diri dalam al-Quran dan hadis nabi seperti yang berikut:

Katakanlah: ‘Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan yang keji, baik yang nampak ataupun yang tersembunyi, dan perbuatan dosa, melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar, (mengharamkan) mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan hujjah untuk itu dan (mengharamkan) mengada-adakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui.’

(Surah Al A’raaf: 32 - 33)

dan,

‘Tidak akan masuk syurga seseorang yang ada di dalam hatinya sifat sombong sekalipun hanya seberat debu. Lalu seorang sahabat bertanya: ‘Sesungguhnya ada orang yang suka pakaian dan kasutnya cantik. Rasulullah SAW menjawab dengan sabda yang bermaksud: ‘Sesungguhnya Allah itu indah dan suka kepada keindahan. Sombong itu adalah menolak yang hak dan menghina orang lain.’

(Hadis riwayat Muslim)

Oleh hal yang demikian, dapat dikatakan bahawa melalui puisi-puisi Islam Arifin Arif sebagaimana yang dinyatakan menunjukkan bahawa beliau telah mengistimikan diri dengan kedua-dua ilmu agama dan sastera.

Prinsip Khalayak yang Bertujuan Memupuk ke arah Insan Kamil

Prinsip terakhir teori takmilah juga menjurus kepada prinsip untuk menyempurnakan golongan khalayak. Seseorang pengkarya dengan sifat-sifat mahmudah dan rabbaniah (sempurna) yang menghasilkan karya yang sempurna, akhirnya jiwa dan fikiran khalayak yang meneliti dan menghayati karya tersebut terpengaruh untuk melakukan perkara-perkara yang diutarakan pengkarya melalui karyanya. Segala sifat Allah perlu dipercayai, peribadi terpuji Rasulullah perlu dicontohi dan seruan-seruan yang dikemukakan oleh pengkarya yang tinggi akhlaknya akan dihayati dan direnungi oleh pembaca yang bukan setakat membaca dengan mata tetapi dengan batin. Ia selaras dengan ingatan Allah seperti firman-Nya, “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah hanya dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenang” (Surah Ar-Ra’du: ayat 28) dan, “Dan siapa saja yang berpaling dari peringatanku, maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit dan kami akan menghimpunnya dalam neraka dalam keadaan buta” (Surah Thaaha: ayat 124). Seorang penyair dipinta untuk mengajak masyarakat ke arah kebaikan sebagaimana ayat berikut, “Ajaklah ke jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan contoh pengajaran yang baik dan berdialoglah dengan mereka dengan cara yang lebih baik” (Surah Al-Nahl: ayat 125). Namun demikian, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa walaupun tidak semua khalayak akan terpengaruh dengan karya sebegini, sedikit banyak mereka akan menginsafi diri.

RUMUSAN

Penulisan merupakan satu kaedah berdakwah yang berkesan. Setiap penganut Islam harus mengisi dakwahnya dengan hasrat untuk mengembalikan kegemilangan dan keagungan Islam. Justeru, seorang pengkarya dituntut untuk menghasilkan karya yang memperlihatkan pertemuan yang sempurna antara kebenaran, kebaikan dan keindahan bahasa. Hal ini jelas tergambar melalui puisi-puisi Arifin Arif. Seiring itu, teori takmilah yang diilhamkan oleh Shafie Abu Bakar ternyata merupakan

teori yang wajar digunakan untuk mengkaji karya-karya Islam. Teori ini jelas membuktikan bahawa harus ada kesepaduan di antara teori itu sendiri yang kaya dengan nilai falsafahnya dengan aspek praktikalnya (hakikat). Matlamat akhirnya bukan sahaja terletak kepada penghasilan karya yang sempurna, malah ia akan menyempurnakan penyair dan khalayak. Selaras dengan kesesuaian puisi tersebut diaplikasikan menggunakan teori takmilah, maka dapatlah dikatakan bahawa puisi Arifin Arif layak dikategorikan sebagai karya Islam.

RUJUKAN

- Asmiaty Amat. 2001. *Api Laut Merah: Lambang Keteguhan Iman Seorang Penyair*. Kota Kinabalu: *New Sabah Times*. hlm. 12 & 14.
- A. Hasjmy. 1987. 'Sastera dan Agama'. Dalam Ismail Hussein (pnggr.). *Sastera dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Al-Faruqi & Lois Lamy al-Faruqi. 1992. *Atlas Kebudayaan Islam*. (terjemahan) Mohd. Ridzuan Othman, Mohd. Sidin Ishak & Khairuddin Harun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasni Matlani, Abdul Rahim Tapah & Arifin Arif. 1996. *Tergantung Pada Kata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamaruddin. 2011. *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tanpa nama penyelenggara. 2000. *Laut Asyik*. Antologi Puisi Badan Bahasa Sabah (BAHASA). Kota Kinabalu: Badan Bahasa Sabah.
- Mana Sikana (pnggr.) 1997. *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Arifin Arif *et al.* 2001. *Tasbih Hayat*. Antologi Puisi Mahrajan Sastera Islam Sempena Maulidur Rasul. 2001/1422 Hijrah.
- Mohd. Arifin Arif. 2002. *Api Laut Merah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Arifin Mohd. Arif *et al.* (pnggr.). 2001. *Tasbih Hayat*. Kota Kinabalu: Sykt. Bumi Yakin.
- Samsina Abd. Rahman. 2002. 'Analisis Takmilah dalam Puisi-puisi Melayu.' Dalam kertas kerja Seminar Teori Sasera Takmilah di Hotel Renaissance Palm Garden Putrajaya. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 14-16 Oktober 2002.
- Samsina Abd. Rahman. 2005. 'Pentakmilahan Pengkaedahan Melayu dan Pengaplikasiannya dalam Genre Puisi.' Dalam Hajjiah Jais dan Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin. 2005. *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shafie Abu Bakar. 1996. 'Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip.' *Dewan Sastera*. November: 25-33.
- Shafie Abu Bakar. 1994. 'Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip.' Dalam Mana Sikana (ed.). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. 1997. 'Estetika dalam Takmilah.' Dalam Mana Sikana (ed.). *Pembangunan Seni dan Sastera*. Bangi. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tafsir al-Quran pimpinan Ar-Rahman. Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri.
- Ustaz Dr Ali Musri Semjan Putra. Melayuholykoran.blogspot.com/2012/10/syarah-nama-allah-al-fattah-dan-allah.html (diakses pada 8 Januari 2012).
- Yusuf al-Qardawi. 1985. *Iman dan Kehidupan*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.